

Headline	Frim kongsi hasil kajian pembuatan kerangka pintu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 984
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,952



# Frim kongsi hasil kajian pembuatan kerangka pintu

## Teknologi

**INSTITUT** Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) menjalankan projek penyelidikan terhadap penggunaan kayu sambungan jejari dan laminasi untuk pembuatan kerangka pintu yang dipasang bersama pintu rintangan api.

Hasil penemuan projek penyelidikan itu merupakan pengesahan bahawa penggunaan teknologi ini memang boleh digunakan untuk pengeluaran produk tersebut tanpa menjejaskan kualiti dan prestasi kebakaran.

Projek penyelidikan tersebut juga telah menguji dan mengesahkan kesesuaian penggunaan kayu lain seperti balau merah, kekatong dan kempas bagi tujuan tersebut selain daripada spesies yang biasa digunakan iaitu balau, keranji dan cengal.

Keputusan ujian prestasi kebakaran itu telah dibentangkan oleh Ketua Projeknya, Dr Gan Kee Seng, yang juga menyampaikan laporan keseluruhan projek serta reka bentuk eksperimennya di satu seminar di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, seminar ini telah berjaya mewujudkan kesedaran dan minat di kalangan pengeluar dan pengguna terhadap penggunaan teknologi sambungan jejari dan laminasi untuk produk tersebut.

“Hasil penemuan projek, akan membuka peluang untuk meningkatkan nilai tambah kepada kayu berdimensi kecil, menggalakkan penggunaan sumber kayu secara optimum seterusnya membantu industri menangani masalah dengan kekurangan

bekalan,” katanya.

Beliau juga menyampaikan keputusan kajian sambungan jejari dan laminasi bagi pihak Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Reka bentuk, Dr Tan Yu Eng, yang tidak dapat hadir.

Seminar tersebut dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) Frim, Dr Mohamed Nor Mohd Yusoff, dan dihadiri seramai 93 peserta

daripada wakil organisasi kerajaan serta bukan kerajaan yang berkaitan termasuk Persatuan

Perlindungan Kebakaran Malaysia (MFPA), Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Makmal Kerja Raya Malaysia (MKRM) dan Institut Penyelidikan Piawai dan Perindustrian Malaysia (Sirim).

Sementara itu, Bekas Timbalan Ketua Pengarah Datuk Dr Abdul Rashid Ab Malik yang juga merupakan perintis dalam penyelidikan bidang ini di negara ini berkata, Malaysia merupakan perintis dalam ujian prestasi api komponen bangunan tersebut di rantau Asia.

“Teknologi ini harus diperkenalkan bagi memanfaatkan industri tempatan dan membantu meningkatkan eksport bagi produk tersebut,” katanya.

Projek Penggunaan Kayu Sambungan Jejari/ Laminasi untuk Kerangka Pintu Rintangan Api bermula pada pertengahan 2010, telah dilaksanakan oleh Frim dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Majlis Perindustrian Kayu (MTC) dan Persatuan Industri Kayu-Kayan Malaysia (MWIA).



Peserta seminar terdiri daripada wakil industri.